

Headline	FRIM paten teknologi HDT		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Jun 2013	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B7	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	241 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,211
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,633



FRIM paten teknologi HDT

» *Sistem rawat kayu getah tanpa guna bahan kimia*

► Kuala Lumpur

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sudah mempatenkan Sistem Pengekangan Suhu Tinggi (HDT), teknologi hijau untuk merawat kayu getah tanpa menggunakan bahan kimia.

Sistem HDT yang dibangunkan FRIM, boleh meningkatkan kestabilan kayu serta mengurangkan masa pemrosesan.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod, berkata teknologi HDT adalah penyelesaian kepada masalah yang dihadapi peserta industri perindustrian negara terutama pengeluar perabot berasaskan kayu getah.

Katanya, penggunaan HDT akan membolehkan pengeluar perabot mengatasi syarat ketat negara maju yang mahu produk berasaskan kayu yang masuk ke negara mereka lebih mesra alam.

Abd Latif berkata, teknologi itu sudah mendapat perhatian antarabangsa dan FRIM menerima banyak pertanyaan terutama dari negara pengeluar kayu getah utama lain seperti China, Thailand dan India.

“FRIM akan melaksanakan pe-

nyelidikan lanjut untuk menguji penggunaan sistem HTD terhadap spesies kayu lain termasuk Akasia dan kelapa sawit.

“Saya percaya Sistem HTD ini boleh digunakan untuk merawat spesies kayu lain. Teknologi ini mempunyai potensi untuk menjadikan Malaysia antara negara pertama di dunia yang menawarkan kayu terawat yang selamat dan mesra alam,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

FRIM memperoleh paten teknologi HTD daripada Pejabat Paten dan Cap Dagang Amerika Syarikat (USPTO) pada Mac 2013 dan sudah memfailkan paten di Malaysia dan enam buah negara lain, termasuk Singapura, Thailand, Vietnam, Indonesia, China dan India.

Komersialkan teknologi

Dalam perkembangan berkaitan, FRIM juga merumus jalinan kerjasama dengan Advanced Low Pressure System Sdn Bhd (ALPS) untuk mengkomersialkan teknologi HTD dan syarikat itu membuka dua unit pelaksanaan HDT

di Telok Gong, Pelabuhan Klang.

Mengulas lanjut, Abd Latif ber-

kata, FRIM juga akan bekerjasama dengan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Majlis Kayu Kayan Malaysia menganjurkan sebuah forum yang menyasarkan pengeluar perabot dan peserta industri untuk mempromosikan sistem HTD.

Sempena program itu juga, FRIM akan melancarkan tanda pensijilan HTD.

Beliau berkata, sistem HTD dibangunkan dan ditambahbaik sejak 10 tahun lalu oleh penyelidik FRIM, Choo Kheng Ten dan Dr Sik Huei Shing yang memulakan projek itu sebagai maklum balas kepada langkah Kesatuan Eropah (EU) untuk melabelkan beberapa jenis bahan kimia rawatan kayu, terutamanya borates, dalam ‘Kategori repro toksik’ di bawah Arahan Bahan Berbahaya 67/548.

Kayu getah perlu dikering-tanur sebelum digunakan dalam pembuatan perabot atau komponen perabot. Ia bertujuan memastikan dimensi kayunya stabil sebelum digunakan dalam pembuatan produk hiliran.

Headline	FRIM paten teknologi HDT		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Jun 2013	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B7	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	241 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,211
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,633

“
Teknologi ini
mempunyai potensi
untuk **menjadikan
Malaysia antara
negara pertama
di dunia yang
menawarkan kayu
terawat yang selamat
dan mesra alam**”
Abd Latif Mohmod,
Ketua Pengarah FRIM